



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 3 Tahun 2024

PELAKSANAAN PENGURANGAN PENGGUNAAN PLASTIK SEKALI GUNA (SUP) DAN GALAKAN MEMBAWA BEKAS MAKANAN SENDIRI (BYOC) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menarik perhatian warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) berhubung Pelaksanaan Pengurangan Penggunaan Plastik Sekali Guna (SUP) dan galakan Membawa Bekas Makanan Sendiri (BYOC) di UiTM.
- 1.2 Pelaksanaan pekeliling ini adalah selari dengan Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 yang merupakan usaha kerajaan dalam menangani pencemaran sisa plastik dan memastikan kemakmuran ekonomi serta kesejahteraan sosial negara. Rangka kerja itu merupakan satu daripada tindakan Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2018.
- 1.3 Pekeliling ini sejajar dengan Polisi Kelestarian UiTM yang menitikberatkan tentang Amalan Lestari yang bertujuan untuk memberi impak kesan kolektif dengan mengurangkan bilangan plastik yang dibeli, dijual dan diedarkan di dalam kampus UiTM.

Pekeliling ini juga menyokong agenda kelestarian Universiti yang menjadi nilai tambah dan mendorong UiTM menjadi Kampus Hijau Lestari sejajar dengan agenda UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University* (GRU) menjelang tahun 2025.

- 1.4 Projek rintis Komuniti Bebas Plastik Sekali Guna @ UiTM merangkumi pelaksanaan dua (2) program utama iaitu *SUP Free Cafe (SUP) @ UiTM* dan *Bring Your Own Container (BYOC)*.

- 1.5 *SUP Free Cafe @ UiTM* merupakan satu projek di mana gerai dan kafeteria yang berdaftar dengan Unit Ruang Niaga, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan termaktub di bawah satu garis dan panduan yang akan ditetapkan mengenai penggunaan plastik sekali guna. *Bring Your Own Container (BYOC)* merupakan satu inisiatif yang akan diperkenalkan sebagai alternatif kepada penggunaan plastik sekali guna di kampus dalam aktiviti harian.

2.0 SKOP

Skop Pelaksanaan Pengurangan Penggunaan Plastik Sekali Guna (SUP) dan galakan Membawa Bekas Makanan Sendiri (BYOC) ini merangkumi:

- 2.1 Semua ruang niaga termasuklah premis perkhidmatan makanan dan minuman, Kedai Serbaneka, Kedai Koperasi, Mesin Layan Diri di UiTM serta individu dan kumpulan yang menjual dan/atau mengedarkan makanan di dalam UiTM.
- 2.2 Aktiviti mesyuarat, majlis dan acara warga UiTM.

3.0 DEFINISI

- 3.1 *Single Use Plastic (SUP)* - Bahan berasaskan plastik yang digunakan sekali dan kemudian dibuang seperti bahan pembungkus plastik, kutleri, penyedut minuman, cawan dan pinggan plastik.
- 3.2 *Bring Your Own Container (BYOC)* - Membawa bekas makanan sendiri seperti bekas makanan dan air bagi menghindari penggunaan plastik sekali guna.
- 3.3 Kafeteria/restoran - Tempat makan di mana pelanggan memilih makanan dan minuman dari pelbagai hidangan yang telah disediakan dan di pamerkan di kawasan penyajian.
- 3.4 Medan Selera - Tempat terdapatnya banyak gerai yang menjual berbagai-bagai jenis makanan untuk orang ramai.
- 3.5 Kedai Serbaneka - Sebuah kedai runcit kecil yang menyediakan pelbagai barangan harian, snek, dan minuman kepada pelanggan.

4.0 JENIS-JENIS PLASTIK SEKALI GUNA

- 4.1 Penyedut minuman plastik.
- 4.2 Peralatan makanan (seperti sudu dan garfu plastik, dan lain-lain).
- 4.3 Beg dan pembungkus plastik.
- 4.4 Cawan dan bekas makanan diperbuat daripada *styrofoam* dan plastik.
- 4.5 Botol air plastik.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Penggunaan plastik sekali guna di dalam kampus UiTM perlu dikurangkan oleh premis perkhidmatan makanan dan minuman, Kedai Serbaneka, Kedai Koperasi, Mesin Layan Diri dalam kalangan warga UiTM.
- 5.2 Komuniti bebas plastik sekali guna dilaksanakan di semua premis di dalam UiTM.
- 5.3 Menggalakkan penggunaan bawa bekas makanan sendiri bagi semua warga UiTM.

6.0 PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua premis perkhidmatan makanan dan minuman, Kedai Koperasi, Kedai Serbaneka, Mesin Layan Diri dan dalam kalangan warga UiTM di dalam kampus dan mana-mana mesyuarat, majlis dan acara warga di seluruh sistem UiTM.

7.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 28 Oktober 2024.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 November 2024.

اوسها، تقوى، موليا

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(PROFESOR Ts. Sr Dr. MD YUSOF HAMID, PMP, AMP)
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Warga UiTM*

Bil. Fail: 100-JP (BPSSM 6/7/4)

No. Siri: Pekeliling TNC (Pembangunan)

TATACARA

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN PENGURANGAN PLASTIK SEKALI GUNA (SUP) DAN GALAKAN 'BRING YOUR OWN CONTAINER' (BYOC - BAWA BEKAS MAKANAN SENDIRI) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

	PERKARA	PERNYATAAN
A	Alternatif Kepada Plastik Sekali Guna	<ol style="list-style-type: none">1. Pengguna atau pengusaha kafeteria/perniagaan makanan dan minuman boleh menggunakan alternatif berikut sebagai gantian polistyrene:<ol style="list-style-type: none">i. Bekas makanan dan minuman yang berasaskan bahan organik (biodegradable).ii. Bekas makanan dan minuman yang berasaskan plastik yang selamat untuk makanan dan minuman boleh digunakan Berulang Kali dengan Nombor Kitar Semula #5 (<i>Polypropylene, PP</i>) sahaja.
B	Sekretariat	<ol style="list-style-type: none">i. UiTM Green Centre (UGC), Jabatan Pembangunan.ii. Unit Ruang Niaga, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP).iii. Expert Task Force (ETF) bagi projek <i>SUP Free Community @ UiTM</i>.